

GANDA

NIRMALA BAKATNYA SUNGGUH LUAR BIASA

Oleh ZAHARANI ASRAN

DI KALANGAN para pelukis tanahair mungkin nama Nirmala Shanmughalingam sudah tidak asing, tapi kepada orang ramai yang kurang mengetahui tentang seni mungkin mereka ingin tahu lebih lanjut mengenai wanita ini.

Nirmala memang mempunyai bakat tersendiri dan luar biasa jika kita berpeluang melihat lukisannya yang sedang dipamerkan di Dewan Bahasa dan Pustaka baru-baru ini.

Sejak pertengahan tahun enam puluhan lagi Nirmala sudah menyertai berbagai pameran tahunan yang diadakan oleh Muzium Seni Negara, dan pada tahun 73 pernah menyandang hadiah pertama dalam pameran kebangsaan yang bertemakan 'Manusia dan Dunianya' anjuran muzium itu.

Nirmala seorang pelukis wanita yang sangat sensitif sering meluahkan perasaan hatinya tentang pencerobohan alam sekitar yang pada hematnya memerlukan perlindungan.

Beliau lantas merakamkan gambaran kemasuhan alam melalui senifoto — bahan-bahannya telah diambilnya dari alam sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Dalam seni ini beliau telah mengabadikan gambaran kehidupan kanak-kanak kawasan setinggan — yang sedikit masa dulu kita anggap tidak berbeza dengan keadaan beribu-ribu lagi kanak-kanak lain.

Ketika ditemuramah, Nirmala ibu kepada dua orang anak, seorang gadis berumur 15 dan seorang lelaki berumur 11, dengan nada serius menyatakan dia menggunakan seninya untuk mewujudkan kesedaran kepada masyarakat betapa kemasuhan alam patut dielakkan demi untuk generasi hari maka.

Menyentuh tentang kanak-kanak di kawasan setinggan seperti yang telah diabadikannya dalam seni fotonya itu, Nirmala menekankan betapa perlunya kita mencari jalan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan atas kehidupan seperti yang bijas dirasakan oleh kanak-kanak yang bukan senasib dengan mereka.

Dalam menilai rekaan seseorang pelukis apa yang menarik perhatian ramai ialah segi tekniknya.

Memang Nirmala pelukis yang mengutamakan rekaan seni yang memberikannya kepuasan jiwa sambil membawa kita sedar akan tujuannya.

Di sebalik gambaran lukisannya yang bercorak imej yang berulang dari media massa — dengan teknik sapuan secara ekspresionis kita dibawa



NIRMALA SHANMUGHALINGAM

"Dia seorang pelukis yang sangat sensitif sering luahkan perasaan hatinya tentang pencerobohan alam..."

menjelajah ke kancang peperangan yang menggerunkan insan.

Nirmala selalu menimba ilham dari sajak-sajak Usman Awang dan lain-lain penulis lagi, bagi mewujudkan lukisan yang benar bererti dan berkesan baginya.

Beliau berpendapat peperangan hanya membawa kemasuhan kepada manusia seperti mana yang disarankan oleh Usman Awang bahawa manusia itu belum cukup bertamaddun jika sering berbunuhan di antara satu sama lain.

Nirmala mahu kita sama-sama merasakan betapa kemasuhan alam sekitar dan peperangan mengugat kehidupan masa depan kita.

Walaupun seorang wanita namun pelukis muda ini berkeupayaan mencapai ke tahap yang tinggi dalam daya kreasi yang sudahpun berjaya menarik perhatian ramai.

Nirmala telah mendalami bidang seni lukis dengan mendapat didikan dari suaminya, seorang pegawai kerajaan yang bertugas di PETRONAS.

Wanita ini juga telah mendapat peluang sebanyak dua kali untuk ke seberang laut di Amerika Syarikat, mengikuti suaminya sambil belajar lagi alam seni lukis yang sangat diminatinya.

Dari minatnya yang amat dalam serta berkat kegigihannya mencari ilmu seni, walaupun terpaksa membahagikan tanggungjawab rumahtangga dengan mendidik kedua orang anaknya, sambil melayani suami tercinta, Nirmala berjaya mengatasi masalahnya.

Terangnya, "untuk berkecimpung dalam alam seni sebagai seorang ibu memanglah agak sukar, tapi kalau kita tahu bagaimana cara terbaik menggunakan masa lapang tentunya tidak me 'moe' nkan kita."



HASIL kreasi Nirmala.